

## Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Model Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam di Selangor

### *Validity and Reliability of Arabic Language Need for Islamic Tourism in Selangor Model Instruments*

Mohammad Imran Ahmad<sup>1</sup>, Dr. Muhammad Firdaus Abdul Manaf<sup>2</sup>, Prof. Madya Dr.  
Mohammad Najib Jaffar<sup>3</sup>

#### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk membina instrumen model keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam di Selangor serta menilai kesahan dan kebolehpercayaan dalam mengukur kepentingan bahasa Arab dalam sektor pelancongan di Malaysia. Instrumen ini dibangunkan menggunakan Model Reka Bentuk Keperluan Bahasa Hutchinson & Waters (1987). Ia mengandungi empat konstruk utama iaitu faktor-faktor pemilihan destinasi pelancongan, penggunaan bahasa Arab dalam pelancongan, keperluan pelancong Arab terhadap bahasa Arab di Selangor dan cadangan silibus Bahasa Arab Pelancongan. Ia meliputi 46 item soalan yang diukur menggunakan skala Likert. Soal selidik ini telah disahkan oleh empat orang pakar bidang bahasa Arab untuk tujuan khusus dan pendidikan. Satu kajian rintis yang melibatkan seramai 30 orang pelancong berbangsa Arab dipilih secara rawak di sekitar Selangor. Dapatan kajian ini mendapati bahawa nilai Cronbach Alpha keseluruhan bagi instrumen penilaian ini ialah 0.845. Ini menunjukkan bahawa instrumen penilaian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan baik. Diharapkan agar instrumen penilaian Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam di Selangor ini dapat membantu dalam menganalisis keperluan sebenar pelancong Arab yang memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan khususnya negeri Selangor dan melonjakkan kadar pendapatan perkapita negeri dalam bidang pelancongan.*

**Kata Kunci :** Bahasa Arab untuk Pelancongan Islam, Analisis Keperluan, Pelancongan Islam, Cronbach Alpha, Kebolehpercayaan.

#### ABSTRACT

*The purpose of this study is to develop the instrument of Arabic language need for Islamic tourism in Selangor and to evaluate the validity and reliability of measuring the importance of Arabic language in the tourism sector in Malaysia. This instrument was developed using the Hutchinson & Waters (1987) Language Needs Design Model. It comprises four main constructs namely factors in the selection of tourism destinations, the use of Arabic in tourism, the need for Arabic tourists in Arabic in Selangor and the proposed Arabic Tourism syllabus. It consists of 46 questionnaire items measured using a Likert scale. The questionnaire was validated by four Arabic*

<sup>1</sup> Mohammad Imran Ahmad, MA UIAM, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, [imranahmad@kuis.edu.my](mailto:imranahmad@kuis.edu.my)

<sup>2</sup> Dr. Muhammad Firdaus Abdul Manaf, PhD UKM, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, [firdaus@kuis.edu.my](mailto:firdaus@kuis.edu.my)

<sup>3</sup> Prof. Madya Dr. Mohammad Najib Jaffar, PhD University of Jordan, Universiti Sains Islam Malaysia, [najib@usim.edu.my](mailto:najib@usim.edu.my)

*language specialists for special purpose and education. A pilot study involving 30 Arab tourists was randomly selected around Selangor. The findings of this study found that the overall Cronbach Alpha value of this assessment instrument was 0.845. This indicates that the assessment instrument has good and high reliability. It is hoped that the assessment instrument of Arabic Needs for Islamic Tourism in Selangor will help in analyzing the real needs of Arab tourists who choose Malaysia as a tourist destination especially Selangor and boost the state's income per capita in tourism.*

**Keywords:** *Arabic Language for Islamic Tourism, Needs Analysis, Islamic Tourism, Cronbach Alpha, Reliability.*

## **Pengenalan**

Pelancongan Islam sering dikaitkan dengan aktiviti keagamaan seperti haji dan umrah. Dimensi pelancongan Islam menjadi semakin luas apabila para pelancong mula menjelajah keluar ke destinasi-destinasi pelancongan yang berteraskan Islam yang lain. Kewujudan dimensi baru ini telah mendorong kepada perubahan dan perkembangan komponen-komponen lain yang berkaitan dengan industri pelancongan iaitu industri pemakanan, penerbangan, pengangkutan dan sebagainya.

Malaysia adalah sebuah negara yang proaktif dalam menyediakan pakej pelancongan Islam. Pelancong Islam terutama dari negara timur tengah telah mula menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan mereka khususnya pada percutian musim panas. Jumlah pelancong Arab yang melancong ke Malaysia semakin bertambah setiap tahun khususnya selepas peristiwa 11 September 2001. Melihat kepada senario ini, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dengan sokongan agensi-agensi lain telah melipat gandakan usaha menarik lebih ramai pelancong Arab supaya menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan mereka (Sulaiman, 2008).

Kajian mengenai kepentingan bahasa Arab di dalam industri pelancongan Islam masih belum banyak yang dihasilkan. Walaubagaimanapun terdapat kajian yang dilakukan oleh Abdul Halim Salleh (2005) dalam tesis sarjananya yang telah menggubal kurikulum bahasa Arab untuk para jemaah haji dan umrah. Namun, kajian ini hanya menyentuh tentang lawatan ke tempat-tempat ibadah haji dan umrah di Mekah dan Madinah sahaja tanpa melibatkan tempat-tempat pelancongan Islam yang terdapat di Malaysia.

Oleh yang demikian, Mohammad Najib Jaffar (2018) telah mereka bentuk model analisis keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam yang signifikan kepada industri pelancongan Islam di Malaysia khasnya dan negara-negara muslim lainnya.

## Latar Belakang Kajian

Medium bahasa yang biasa digunakan oleh pelancong Arab di Malaysia adalah bahasa Arab. Penggunaan bahasa tersebut dalam bidang pelancongan Islam di Malaysia memerlukan persediaan tenaga kerja mahir dan kemudahan lain yang berkaitan. Persediaan ini amat penting dalam memastikan objektif memberikan perkhidmatan terbaik dan mesra kepada pelanggan tercapai, khususnya kepada pelancong Arab.

Bertitik tolak daripada isu ini, penyelidik merasakan perlu ada satu model bagi menganalisis keperluan bahasa Arab untuk pelancongan Islam di Malaysia khususnya di Selangor. Ini mengambil kira faktor Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang terletak di negeri Selangor sebagai pintu masuk utama ke negara ini. Kajian ini memfokuskan tiga faktor utama Model Keperluan Bahasa *Hutchinson & Waters* (1987) iaitu faktor keperluan (*necessities*) pelancong Arab memilih Selangor sebagai destinasi pelancongan Islam. Seterusnya penyelidik perlu juga menganalisis persepsi pelancong Arab mengenai faktor kekurangan (*lacks*) serta faktor kehendak (*wants*) mereka terhadap penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pelancongan Islam di Selangor. Di antara justifikasi pemilihan teori *Hutchinson & Waters* ini adalah disebabkan oleh teori Analisis Keperluan yang telah diasaskan oleh mereka berdua menjadi rujukan para pengkaji seluruh dunia sejak tahun 1987.

Melalui kajian ini, model Bahasa Arab untuk Pelancongan Islam akan dibina untuk latihan tenaga kerja yang terlibat dalam sektor pelancongan sekaligus menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan Islam di Malaysia.

## Penyataan Masalah

Statistik Pelancongan Malaysia menunjukkan seramai 26,757,392 orang pelancong asing telah melawat Malaysia pada tahun 2016. Terdapat seramai 4,786,766 pelancong muslim direkodkan daripada jumlah keseluruhan pelancong asing tersebut (Tourism Malaysia, 2016). Daripada jumlah tersebut, pelancong Arab mencecah seramai 228,124 yang terdiri daripada Arab Saudi, Mesir, UAE, Iraq, Kuwait dan Oman.

Dengan kedudukan Malaysia yang diisytiharkan sebagai destinasi nombor satu bagi pelancong Muslim di dunia seperti yang dilaporkan oleh *Global Muslim Travellers Index 2018* (GMTI), ini akan merancakkan lagi industri pelancongan Islam di Selangor. Selangor sebagai sebuah negeri termaju tidak ketinggalan sebagai salah sebuah destinasi pelancongan bagi warga Arab Muslim. Berdasarkan Laporan Statistik Ketibaan Pelancong (LSKP) yang dikeluarkan oleh *Tourism Selangor* berlaku peningkatan jumlah pelancong arab dari tahun 2015 hingga 2017 iaitu seramai 160,615 kepada 360,749 (Tourism Selangor).

Kewujudan dimensi pelancongan Islam ini telah mendorong kepada perubahan dan perkembangan komponen-komponen lain yang berkaitan dengan industri pelancongan, misalnya industri makanan, penerbangan atau industri pengangkutan dan sebagainya, untuk memenuhi keperluan segmen yang unik ini. Pakej ini telah menarik minat pelancong Muslim dari seluruh dunia terutama dari Arab Saudi, Kuwait, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Iran (ITC, 2015) untuk datang ke Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, terdapat masalah terjemahan dan kualiti bahasa Arab di dalam buku pelancongan, papan tanda dan brosur pelancongan (Mohamed Zain

Sulaiman, 2009; Azman Che Mat, 2009). Selain itu, kajian Sulaiman mendapati ramai pelancong Arab kurang fasih berbahasa Inggeris, oleh yang demikian mereka memerlukan individu yang boleh berkomunikasi dan memberikan panduan dalam bahasa Arab di samping papan tanda dalam tulisan Arab untuk menunjuk arah lokasi yang terdapat di KLIA (Sulaiman, 2008). Papan tanda berbahasa Arab pula memudahkan urusan mereka khususnya penumpang muslim untuk urusan mengerjakan solat dan mendapatkan makanan yang halal. Hashim bin Mat Zing (2013) menambah terdapat masalah komunikasi bahasa Arab di lapangan terbang, di hotel dan di pusat membeli-belah serta dalam kalangan pemandu pelancong dan pemandu teksi.

## Objektif Kajian

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:

1. Membina instrumen penilaian Keperluan Bahasa Arab untuk Pelancongan Islam di Selangor.
2. Menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian Keperluan Bahasa Arab untuk Pelancongan Islam di Selangor.

## Metodologi

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah untuk membina dan menghasilkan instrumen penilaian Keperluan Bahasa Arab untuk Pelancongan Islam di Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang bertujuan untuk membuat generalisasi dari sampel ke populasi Menurut Noraini Idris (2010), penggunaan instrumen merupakan kaedah yang berkesan dalam menyediakan maklumat berbentuk kuantitatif daripada sesuatu kaji selidik yang lebih umum.

Kajian yang telah dijalankan terbahagi kepada tiga fasa iaitu analisis kajian literatur, pembinaan instrumen kajian serta pengesahan dan menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian yang dibina. Gabungan ketiga-tiga fasa tersebut menghasilkan instrumen penilaian Model Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam di Selangor yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan.

### Fasa 1: Analisis Kajian Literatur

Tinjauan literatur yang berkaitan dengan Bahasa Arab Bagi Tujuan Khusus dilakukan untuk mengenal pasti konstruk-konstruk yang merupakan elemen penting dalam pembinaan instrumen penilaian Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam di Selangor. Empat konstruk utama yang dikenal pasti ialah faktor pemilihan Selangor sebagai destinasi pelancongan, kadar penggunaan bahasa Arab dalam sektor pelancongan Islam di Selangor, keperluan pelancong Arab terhadap bahasa Arab dalam industri pelancongan di Selangor dan cadangan pembinaan silibus atau sukatan pelajaran Bahasa Arab Dalam Pelancongan Islam. Berikut merupakan huraian ringkas setiap konstruk.

1. Keperluan bahasa Arab dalam pelancongan Islam di Selangor

Terdapat beberapa keperluan yang telah dikenal pasti banyak faktor yang mempengaruhi seseorang untuk berkunjung ke sesuatu tempat atas tujuan pelancongan. Tourism Malaysia dalam laporannya yang berjudul '*Malaysia Tourist Profile By Selected Markets 2016*' menyenaraikan beberapa faktor utama yang mempengaruhi pilihan pelancong yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi mereka. Antaranya ialah cadangan dari ahli keluarga, rakan-rakan dan orang lain. Seterusnya ialah bahan promosi yang tersebar di laman sesawang atau di media sosial sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti blog, facebook, video youtube dan lain-lain. Kesemua ini kebiasaannya akan memberi sedikit pendedahan tentang destinasi pelancongan yang menarik di Malaysia, makanan tempatan yang enak, kemudahan awam yang selesa, keramahan masyarakat tempatan dan lain-lain yang secara tidak langsung menarik minat mereka dan mencetus keinginan mereka untuk datang berkunjung ke tempat-tempat yang mereka lihat. Kesemua faktor ini diletakkan dalam item-item konstruk pertama untuk dinilai dengan dipecahkan mengikut kesesuaian.

## 2. Kekurangan penggunaan bahasa Arab dalam pelancongan Islam di Selangor

Menurut Hutschinson dan Waters (1987), para penyelidik perlu juga menganalisis persepsi pelancong Arab mengenai kekurangan (*lacks*) mereka terhadap penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pelancongan Islam di Selangor. Justeru, berdasarkan teori yang telah dikemukakan ini penyelidik membina satu konstruk khas bagi menilai kadar penggunaan bahasa Arab dalam dalam industri pelancongan Islam di Selangor dari sudut perspektif pelancong Arab itu sendiri.

## 3. Kehendak bahasa Arab dalam pelancongan Islam di Selangor

Berdasarkan teori Analisis Keperluan (Hutschinson & Waters, 1987) kajian terhadap faktor kehendak (*wants*) pelancong Arab memilih Selangor sebagai destinasi pelancongan Islam perlu dianalisis. Setelah menetapkan konstruk, penyelidik menentukan pemboleh ubah bagi setiap konstruk berdasarkan kajian literatur. Ciri-ciri atau trait bagi pemboleh ubah setiap konstruk berkenaan digunakan sebagai panduan untuk membina item-item bagi konstruk tersebut.

## 4. Cadangan pembinaan silibus atau sukatan pelajaran Bahasa Arab dalam Pelancongan Islam

Dalam menghasilkan silibus yang berkualiti, terdapat beberapa perkara utama yang perlu diberi perhatian. Antaranya kandungan yang menyeluruh yang merangkumi pelbagai aspek pelancongan dan jenis-jenisnya seperti perniagaan, pendidikan, rekreasi dan agama. Menurut Ahmad Redzaudin et al. (2015) yang menganalisis kesalahan dalam buku teks Bahasa Arab Sekolah Rendah Agama Selangor memetik pandangan Klare bahawa sesebuah silibus yang digunakan perlu sesuai dengan kebolehan membaca dan pengetahuan lepas kelompok sasaran. Tambahnya, persembahan kandungan juga mesti menarik minat dan motivasi pelajar serta dapat dibaca dengan senang dan mudah daripada aspek ini serta penyusunan fizikalnya.

## Fasa 2: Pembinaan Instrumen kajian

### Instrumen Kajian

Setelah mengenal pasti dan menentukan konstruk dan pemboleh ubahnya, penyelidik menentukan bentuk item yang diguna pakai pada setiap konstruk tersebut. Item penilaian ini merupakan satu set siri pernyataan yang mana ia hanya digunakan untuk pentaksiran keperluan responden berkenaan. Instrumen kajian yang dibina menggunakan skala *likert* iaitu skala 1 hingga 5. Butiran skala tersebut adalah seperti berikut:

- 1=Sangat Tidak Setuju (STT)
- 2=Tidak Setuju (TS)
- 3=Tidak Pasti (TP)
- 4=Setuju (S)
- 5=Sangat Setuju (SS)

Sebanyak 46 item telah dibina dalam instrumen penilaian ini. Bilangan dan pecahan item mengikut konstruk bagi instrumen ini ditunjukkan pada Jadual 1.

**Jadual 1 : Taburan Item Mengikut Konstruk dalam Instrumen Penilaian**

Konstruk	Nombor Item	Bilangan
Keperluan bahasa Arab dalam pelancongan Islam di Selangor	1 - 9	9
Kekurangan penggunaan bahasa Arab dalam pelancongan Islam di Selangor	1 - 13	13
Kehendak bahasa Arab dalam pelancongan Islam di Selangor	1 - 14	14
Cadangan pembinaan silibus atau sukatan pelajaran Bahasa Arab dalam Pelancongan Islam	1 - 10	10
<b>Instrumen</b>	<b>1 - 46</b>	<b>46</b>

Perincian setiap item mengikut konstruk dinyatakan dalam jadual-jadual dibawah:

**Jadual 2 : Item-item dalam konstruk keperluan bahasa Arab dalam pelancongan Islam di Selangor**

Konstruk	Item	Tahap
Keperluan bahasa Arab dalam pelancongan Islam di Selangor	سهولة للحصول على الطعام الحلال وأماكن العبادة. Mudah mendapatkan makanan halal dan menunaikan ibadah solat.	1=Sangat Tidak Setuju (STT) 2=Tidak Setuju (TS) 3=Tidak Pasti (TP) 4=Setuju (S) 5=Sangat Setuju (SS)
	مطابقة الشريعة الإسلامية في تقديم الضيافة والخدمات الفندقية. Perkhidmatan hospitaliti & perhotelan berlandaskan syariah Islamiyyah.	
	توافر عاملين مسلمين في مجال السياحة. Pengamal industri pelancongan beragama Islam.	
	البنية التحتية الحديثة ووسائل النقل الفعالة. Infrastruktur yang moden dan kemudahan pengangkutan yang efisien.	
	ممارسة التعامل التجاري القائم على الشريعة الإسلامية. Peniaga mengamalkan sistem transaksi berlandaskan syariah.	
	قيام المؤسسات التعليمية العالية بتوفير فرص للالتحاق بالدراسة بها. Pusat pendidikan bertaraf antarabangsa yang menyediakan peluang pengajian bagi semua peringkat pengajian.	

تنظيم اجتماعات دولية ومؤتمرات عالمية تسمح للعرب بالمشاركة وتقديم البحوث فيها.

Penganjuran mesyuarat, seminar & persidangan antarabangsa yang memberi ruang kepada warga Arab menghadiri dan membentang kertas kerja.  
سهولة الحصول على المستشفيات وأماكن العلاج التي يتصف العاملون فيها بالأخلاقيات الإسلامية.

Mudah untuk mendapatkan rawatan kesihatan di hospital serta pekerja yang mengamalkan etika Islam.  
توافر أماكن سياحية جذابة لقضاء العطلات والتسليّة والترفيه والتسوّق.  
Menawarkan destinasi percutian yang menarik terutama tempat rekreasi, hiburan keluarga dan membeli-belah.

**Jadual 3 : Item-item dalam Konstruk Kekurangan Penggunaan Bahasa Arab Dalam Pelancongan Islam di Selangor**

Konstruk	Item	Tahap
Kekurangan penggunaan bahasa Arab dalam pelancongan Islam di Selangor	لا توجد لافتات عربية في الأماكن السياحية. Tiada papan tanda berbahasa Arab untuk kemudahan pelancong Arab.	1=Sangat Setuju (STT) 2=Tidak Setuju (TS) 3=Tidak Pasti (TP) 4=Setuju (S) 5=Sangat Setuju (SS)
	لا يتقن التجار اللغة العربية. Peniaga tidak mahir menggunakan bahasa Arab.	
	لا تستخدم اللغة العربية في إعلانات المحلات التجارية ومحطات وسائل النقل العام. Pengumuman di pusat membeli-belah dan stesen pengangkutan awam tidak menggunakan bahasa Arab.	
	لا تعدّ وكالات السفر أو السياحة مرشدين سياحيين يتحدثون بالعربية. Agensi pelancongan tidak menyediakan pemandu pelancong yang mahir berbahasa Arab.	
	لا يستخدم سائقو سيارات الأجرة والحافلات اللغة العربية. Pemandu pengangkutan awam tidak menggunakan bahasa Arab.	
	لا تكتب قائمة الطعام في المطاعم بالعربية. Menu makanan di restoran tidak menggunakan bahasa Arab.	
	تقل المعلومات بالعربية في الإنترنت عن السياحة في سلانجور. Kurang maklumat atau aplikasi berbahasa Arab mengenai pelancongan di Malaysia di dalam internet.	
	لا تستخدم الجامعات اللغة العربية في التعليم والتعلم. Institusi pengajian tinggi tidak menggunakan bahasa Arab.	
	لا تُستخدَم اللغة العربية في الندوات أو المؤتمرات العالمية. لا تُستخدَم اللغة العربية في الاجتماعات الدولية. Bahasa Arab tidak digunakan di dalam seminar atau persidangan antarabangsa.	
	لا تُستخدَم اللغة العربية في المستشفيات والعيادات. Bahasa Arab tidak digunakan di hospital atau klinik.	

لا تتوافر المعلومات السياحية بالعربية في كتيبات السفر ولا في الأماكن السياحية.

Tempat-tempat pelancongan tidak menyediakan informasi berbahasa Arab selain tiada brosur pelancongan berbahasa Arab.

تقل المعلومات عن المعارض الدولية والمهرجانات بالعربية.

Kurang maklumat berkaitan pameran dan festival antarabangsa dalam bahasa Arab.

**Jadual 4 : Item-item dalam konstruk kehendak bahasa Arab dalam pelancongan Islam di Selangor**

Konstruk	Item	Tahap
Kehendak bahasa Arab dalam pelancongan Islam di Selangor	أن تتوافر لافتات وإعلانات بالعربية في الأماكن السياحية. Menyediakan papan tanda berbahasa Arab untuk kemudahan pelancong Arab.	1=Sangat Tidak Setuju (STT) 2=Tidak Setuju (TS) 3=Tidak Pasti (TP) 4=Setuju (S) 5=Sangat Setuju (SS)
	أن يعرف التجار استخدام اللغة العربية. Peniaga hendaklah mahir bertutur bahasa Arab.	
	أن تستخدم اللغة العربية في إعلانات المحلات التجارية ومحطات وسائل النقل. Pengumuman di pusat membeli-belah / pengangkutan awam hendaklah menggunakan bahasa Arab.	
	أن توفر وكالات السفر والسياحة مرشدين سياحيين يتقنون العربية. Agensi pelancongan perlu menyediakan pemandu pelancong yang mahir berbahasa Arab.	
	أن يجيد سائقو سيارات الأجرة والحافلات باللغة العربية. Pemandu kenderaan pengangkutan awam hendaklah mahir bertutur bahasa Arab.	
	أن تعد قائمة الطعام في المطاعم بالعربية. Menu makanan di restoran perlu disediakan dalam bahasa Arab.	
	أن توفر الهيئات السياحية من القطاع العام والخاص كتيبات السفر أو دليل سياحي بالعربية. Brosur pelancongan perlu disediakan dalam bahasa Arab untuk tujuan promosi pelancongan.	
	أن تزود الهيئات السياحية من القطاع العام والخاص المعلومات عن السياحة الإسلامية في الإنترنت. Info pelancongan Islam di dalam laman web perlu diperbanyakkan bagi kemudahan pelancong merancang percutian mereka di Malaysia.	
	أن يزود السائح ببرمجيات السياحة الإسلامية بالعربية في الهاتف الجوال. Aplikasi android berbahasa Arab untuk Pelancongan Islam di Malaysia perlu diwujudkan.	
	أن يدرّب العاملون في السياحة مهارات الاتصال بالعربية.	

Pemain industri pelancongan perlu memperlengkap diri mereka dengan kemahiran komunikasi bahasa Arab.

أن تجعل الجامعات في سلانجور اللغة العربية لغة التعليم والتعلم.

Institusi pendidikan di Selangor perlu meraikan penggunaan bahasa Arab sebagai medium penyampaian maklumat.

أن يشجع التجار ورجال الأعمال على تعلم اللغة العربية. Para peniaga dan usahawan perlu diberi galakan untuk belajar bahasa Arab.

أن يتقن موظفو الشركات الدولية اللغة العربية. Pegawai bagi syarikat bertaraf antarabangsa perlu menguasai bahasa Arab.

أن توفر المستشفيات عاملين ماهرين بالعربية. Pihak hospital perlu menyediakan staf yang mahir berbahasa Arab.

**Jadual 5 : Item-item dalam konstruk cadangan pembinaan silibus atau sukatan pelajaran Bahasa Arab dalam Pelancongan Islam**

Konstruk	Item	Tahap
Cadangan pembinaan silibus atau sukatan pelajaran Bahasa Arab dalam Pelancongan Islam	أن تكون الموضوعات في الوحدات الدراسية متلائمة مع السياحة الإسلامية.	1=Sangat Tidak Setuju (STT) 2=Tidak Setuju (TS) 3=Tidak Pasti (TP) 4=Setuju (S) 5=Sangat Setuju (SS)
	Tajuk-tajuk yang terdapat di dalam modul perlu bersesuaian dengan pelancongan Islam.	
	أن تشمل الموضوعات أنواع السياحة التجارية، والسياحة التعليمية، والسياحة العلاجية، والسياحة الترفيهية.	
	Tajuk-tajuk yang terpilih dalam modul perlu mencakupi bidang pelancongan pendidikan, pelancongan perniagaan, pelancongan kesihatan dan pelancongan rekreasi.	
	أن تغطي الموضوعات جميع الأماكن السياحة في سلانجور أو ماليزيا عامة.	
	Tajuk-tajuk yang terpilih dalam modul perlu mencakupi semua tempat pelancongan terpenting di Malaysia.	
	أن يهتم برنامج تعليم اللغة العربية لأغراض السياحة الإسلامية بمهارات الاتصال.	
	Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan Islam perlu memfokuskan kepada kepada kemahiran komunikasi.	
	أن تُمارَس اللغة العربية الاتصالية التفاعلية في الفصول الدراسية.	
	Mempraktikkan komunikasi Bahasa Arab Pelancongan Islam secara interaktif di dalam kelas.	
	أن تستخدم اللغة العربية الفصحى.	
	Mempraktikkan Bahasa Arab Standard.	
	أن يوظف المعلمون وسائل التعليم الحديثة لجذب انتباه الطلاب.	

---

Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) yang moden oleh pensyarah untuk menarik minat pelajar.

أن يُستخدم الانترنت بطريقة جيدة للحصول على اللغة المعاصرة من المفردات والتراكيب والأساليب.

Internet digunakan untuk mendapatkan bahan terkini dari segi istilah dan laras bahasa.

أن تكون التدريبات شاملة ومتنوعة.

Latihan dan praktikal perlu menyeluruh serta dipelbagaikan.

أن تحتوي الوحدة الدراسية على العناصر اللغوية والثقافية والسياحة الإسلامية.

Kandungan dalam modul perlu mencakupi aspek bahasa, kebudayaan dan pelancongan Islam.

---

### Fasa 3: Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

#### Kesahan Instrumen Kajian

Kesahan kajian adalah kemampuan instrumen untuk mengukur apa yang sepatutnya diukur seterusnya membenarkan interpretasi skor yang sesuai. Sesuatu instrumen mempunyai kesahan untuk tujuan dan kumpulan yang tertentu. Data yang diperolehi kemudiannya akan digunakan untuk membuat kesimpulan yang sesuai (Noraini Idris, 2010).

Semakan pakar adalah perlu untuk menentukan kesahan kandungan. Kesahan kandungan merujuk kepada sejauhmana instrumen mengumpul data yang merangkumi kandungan sesuatu bidang yang dikaji. Ia bergantung kepada objektif dan skop bidang yang dikaji (Khalid, 2003). Justeru, instrumen penilaian yang dibina telah diberikan kepada pakar yang mempunyai kemahiran dalam bidang yang berkaitan untuk disemak bagi memastikan isi kandungannya bersesuaian dan menepati matlamat kajian.

Pemilihan panel pakar adalah terdiri daripada empat orang pensyarah universiti yang berpengalaman dalam bidang Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus dan pendidikan iaitu Prof. Madya Dr. Abd Rahman Chik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohammad Najib Jaffar dan Dr. Siti Rosilawati Ramlan dari Universiti Sains Islam Malaysia dan Dr. Ghazali Zainuddin dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Para panel yang dilantik telah diberi penerangan mengenai latar belakang kajian, definisi konsep kajian, operasi konstruk yang terlibat dan tugas penyemakan item yang dibina. Mereka telah diberikan Borang Semakan Pakar Instrumen Penilaian bagi membuat pembetulan, memberi komen dan cadangan kepada item yang kurang menepati kehendak konstruk. Berdasarkan borang berkenaan, mereka dikehendaki mengesahkan perkara berikut:

1. Konstruk Penilaian Model Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam Di Selangor.
2. Item yang mewakili setiap konstruk Penilaian Model Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam Di Selangor.

Proses seterusnya ialah keputusan penilaian pakar dikumpulkan dan dianalisis. Para panel telah membuat semakan, memberi maklum balas dan komen terhadap item-item yang dibina kemudian mengembalikan semula Borang Semakan Pakar Instrumen Penilaian tersebut.

### Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan atau kestabilan keputusan pentaksiran (Azizi Ahmad dan Mohd Isha Awang, 2008 ). Ini bermakna seseorang individu akan mendapat skor yang sama daripada sesebuah instrumen seandainya kebolehan individu tersebut adalah *trait* yang telah atau hendak diukur tidak berubah walaupun diukur berkali-kali dengan instrumen yang sama. Justeru, para penyelidik menggunakan kaedah ketekalan bagi menentukan pekali kebolehpercayaan iaitu mencari pekali *alpha* atau dikenali sebagai *Cronbach Alpha* bagi setiap konstruk dan keseluruhan instrumen penilaian tersebut melalui program *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Ini adalah kerana Chua (2014) menyatakan bahawa bagi menentukan item individu yang harus dikekalkan atau disingkirkan, data-data kajian rintis boleh dianalisa dengan analisis item menggunakan program pekali kebolehpercayaan *Cronbach Alpha*.

Untuk memastikan kebolehpercayaan instrumen penilaian Model Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam Di Selangor yang diperoleh berada pada tahap memuaskan, para penyelidik telah menjalankan kajian rintis. Tujuan kajian rintis ini adalah untuk melihat nilai pekali *Cronbach Alpha* instrumen secara keseluruhan dan juga nilainya pada setiap konstruk yang dibina apabila diasingkan. Jadual Nilai Kebolehpercayaan berikut boleh dijadikan panduan dalam menaksir kebolehterimaan instrumen kajian:

**Jadual 6 : Tahap Kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha***

Nilai Cronbach's Alpha	Darjah kebolehpercayaan
0.0 – 0.20	Lemah
>0.20 – 0.40	Sederhana lemah
>0.40 – 0.60	Sederhana
>0.60 – 0.80	Baik
>0.80 – 1.00	Sangat baik

**Sumber: Azizi Yahaya et.al, 2016: 57**

### Pemilihan Lokasi Kajian Rintis

Sidek Mohd Noah (2002) mencadangkan empat faktor untuk ditimbang dalam pemilihan tapak atau lokasi kajian iaitu kaya dengan data, *unfamiliarity*, sesuai dan mempunyai rangkaian sosial yang baik. Kajian ini terbatas kepada perkara-perkara yang dihadkan oleh penyelidik. Batasan-batasannya adalah seperti lokasi kajian, sampel kajian dan faktor yang dikaji. Dari segi lokasi kajian, kajian ini dijalankan di sekitar Bandar Baru Bangi dan sampel kajian dipilih menggunakan teknik persampelan rawak mudah.

Kajian rintis ini hanya memerlukan 30 orang responden bertujuan untuk melihat kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang telah dibina. Kawasan yang menjadi fokus kajian rintis ialah restoran makanan Arab, bahagian pasca siswazah institut pengajian tinggi awam dan swasta yang berada di daerah Hulu Langat, Selangor. Penyelidik memfokuskan kawasan-kawasan tersebut kerana mendapat maklumat

daripada penduduk setempat bahawa ia merupakan *hotspot* atau tempat tumpuan para pelancong Arab yang mampu memenuhi kriteria responden yang dikehendaki dalam kajian ini.

### Pensampelan

Populasi sasaran kajian ini adalah pelancong Arab yang melancong di Selangor. Mereka dipilih kerana penilaian ini dilakukan ke atas keperluan Bahasa Arab Dalam Pelancong mengikut perspektif Pelancong Arab yang melancong di Selangor. Bagi kajian ini, para penyelidik memilih kaedah pensampelan mudah (*convenience sampling*) iaitu sebuah tempat yang mempunyai bilangan pelancong Arab yang ramai dan memilih secara rawak dalam kalangan mereka untuk dijadikan responden (Noraini Idris, 2010). Maka, para penyelidik memilih pensampelan mudah berdasarkan tempat-tempat yang telah dinyatakan. Sampel kajian yang dipilih digunakan dalam pelaksanaan kajian rintis dan kajian sebenar. Menurut maklumat yang diperolehi melalui *Tourism Malaysia*, *Tourism Selangor* dan masyarakat setempat, terdapat beberapa tempat yang menjadi tumpuan para pelancong Arab di sekitar Selangor. Dalam pemilihan sampel kajian rintis menurut Chua (2006), sampel yang dicadangkan adalah seramai 30 hingga 40 responden. Oleh itu, penyelidik memilih 30 orang pelancong Arab secara rawak di sekitar tempat yang menjadi tumpuan mereka.

## Dapatan dan Perbincangan Kajian

### Dapatan Kajian Rintis

Kajian rintis ini melibatkan seramai 30 orang responden berbangsa Arab yang dipilih secara rawak sekitar Selangor. Tujuan kajian rintis adalah untuk memperoleh tahap kebolehpercayaan instrumen penilaian dengan menentukan nilai pekali *Cronbach Alpha*. Selain itu, melalui pelaksanaan kajian rintis ini, penyelidik dapat mengenal pasti tempoh masa yang diambil oleh responden kajian untuk menjawab instrumen penilaian dan memastikan sama ada isi kandungan instrumen ini dapat difahami dengan mudah. Masa yang diambil oleh responden kajian adalah dalam lingkungan 5-7 minit.

Bagi menentukan sama ada item yang dibina diterima atau disingkirkan, penyelidik membuat perbandingan nilai Cronbach Alpha bagi konstruk yang terlibat dalam instrumen tersebut. Menurut Chua (2006), jika sesuatu item dalam konstruk itu mempunyai nilai Cronbach Alpha jika item disingkirkan lebih tinggi daripada nilai Cronbach Alpha bagi konstruk tersebut, maka item itu perlu disingkirkan. Ini bererti pekali alpha tidak akan meningkat lagi dengan menyingkirkan mana-mana item dalam konstruk tersebut.

Terdapat satu item yang mempunyai nilai Cronbach Alpha jika item disingkirkan (*Cronbach Alpha if item deleted*) yang sangat tinggi mengatasi nilai pekali untuk konstruknya sendiri dan juga nilai pekali untuk instrumen keseluruhannya iaitu item 7 konstruk 4. Berikut merupakan ringkasan analisis kebolehpercayaan instrument bagi kajian rintis yang telah dijalankan.

**Jadual 7 : Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian bagi Kajian Rintis**

Konstruk	Bilangan Item	Nilai Alpha	Interpretasi
----------	---------------	-------------	--------------

Faktor Pemilihan Destinasi Pelancongan	9	0.819	Baik
Kadar Penggunaan Bahasa Arab	13	0.925	Amat baik
Keperluan Pelancong Terhadap Bahasa Arab	14	0.959	Amat baik
Cadangan Silibus Bahasa Arab Dalam Pelancongan Islam	10	0.455	Diragui
<b>Nilai kekeseluruhan Cronbach Alpha instrumen penilaian</b>		<b>0.845</b>	<b>Baik</b>

Para penyelidik memaparkan dapatan kajian rintis mengenai instrumen penilaian bagi responden di Jadual 7. Jadual tersebut menunjukkan pekali kebolehpercayaan yang telah diperolehi bagi kesemua empat konstruk dalam instrumen penilaian bagi kesemua responden yang terlibat. Berdasarkan Jadual 7, didapati bahawa nilai *Cronbach Alpha* adalah antara julat 0.455 hingga 0.959. Nilai *Cronbach Alpha* yang tertinggi ialah 0.959 bagi konstruk ketiga (Keperluan Pelancong Arab Terhadap Bahasa Arab). Manakala nilai *Cronbach Alpha* yang paling rendah ialah 0.455 bagi konstruk keempat (Cadangan Silibus Bahasa Arab dalam Pelancongan Islam). Sementara itu, keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai *Cronbach Alpha* keseluruhan bagi instrumen penilaian ini ialah 0.845. Ini menunjukkan bahawa instrumen penilaian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan baik.

Berdasarkan jadual 7 di atas, konstruk 4 menunjukkan nilai pekali *Cronbach Alpha* yang paling rendah dan julat nilai pekali itu dengan nilai pekali *Cronbach Alpha* jika item disingkirkan (*Cronbach Alpha's if item deleted*) sangat besar bahkan mengatasi nilai pekali instrumen penilaian secara keseluruhannya. Nilai konstruk 4 selepas item 7 disingkirkan ialah 0.902 dan nilai pekali untuk instrumen penilaian secara keseluruhannya meningkat kepada 0.949 yang menunjukkan instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan yang sangat tinggi dan baik.

## Rujukan

- Abdul Halim bin Salleh. (2005). *Tasmim Wahdat Dirasiyyah lil Hujjaj wa al-Mu'tamirin al-Maliziyyin fi Ta'lim Lughah al-Arabiyyah li Aghrad Khassah*. Kuala Lumpur: Kuliyyah Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ahmad Redzaudin, Mohamad Rofian Ismail, Md Noor, Yaakob Hasan, Shamsinar, Hanis Najwa. (2015). *Analisis Kesalahan dalam Buku Teks Bahasa Arab Sekolah Rendah Agama (SRA), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)*. Laporan Penyelidikan. Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Azizi Ahmad, Mohd Isha Awang. (2008). *Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Dk Zainab Pg Haji Tuah, Baharudin Arus & Ismail Ibrahim. (2016). *Menguasai SPSS Dengan Mudah*. Brunei: UNISSA Press.

- Azman Bin Che Mat. Hj Azman Azman Bin Zakaria. Kamaruzaman Jusoff. (2009). The Importance of Arabic Language in Malaysian Tourism Industry: Trend during 1994-2004. *Canadian Social Science*. 5(4).
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia).
- Chua Yan Piaw. (2014). *Asas Statistik Penyelidikan Edisi Ketiga*. Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia).
- Global Muslim Travel Index*. (2018). <https://www.halalmedia.jp/wp-content/uploads/2018/04/gmiti-report-2018.pdf> (Diakses 4 Mei 2018).
- Hutchinson, T. & Waters, A. (1987). *English for Specific Purposes: A Learning-Centered Approach*. Cambridge: Cambridge University Press.
- ITC. (2012). *Broshur Pusat Pelancongan Islam*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelancongan Malaysia.
- Kadir Din. (1989). *Islam and Tourism: Patterns, Issues and Options*. *Annals of Tourism Research* 16(4), 542-563.
- Khalid Johari. (2003). *Penyelidikan dalam Pendidikan: Konsep & Prosedur*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Malaysia Tourism Performance Key Indicators* (2016). <https://www.tourism.gov.my/pdf/uploads/key-performance-indicators-2016.pdf> (Diakses pada 4 Mei 2018).
- Malaysia Tourists Profile By Selected Market 2016*. Tourism Malaysia. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Najib Jaffar. (2018). *Pembinaan Model Analisis Keperluan Bahasa Arab untuk Pelancongan Islam melalui Integrasi Naqli dan Aqli*. Laporan Geran Pembudayaan Penyelidikan (RAGS). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohamed Zain Sulaiman (2009). *English – Arabic Translation of Malaysian Tourism Promotional Texts (TPTs): Problems and Approaches, The Sustainability of the Translation Field*. Kuala Lumpur: Malaysian Translation Association
- Mohd Salleh Sajari. Tourism Selangor Sdn Bhd. Shah Alam: Selangor. (Ditemubual pada 22 Februari 2018).
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia Sdn Bhd).
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sulaiman bin Ismail. (2008). *Persepsi Pelancong Arab dan Pihak Penyedia Perkhidmatan Terhadap Penggunaan Bahasa Arab dalam Penyampaian*

*Maklumat dan Informasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Laporan Penyelidikan. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.*

Zalika Adam, Abdul Rahman Chik. (2008). *Barnamij Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah li Aghradh al-Siyahah fi Maliziyya: Dirasah Tahliliyyah li al-Hajat. Barnamij Ta'lim Al-Lughah al-Arabiyyah li Aghradh al-Siyahah.* Mesir: Jamiah Almaniyya Al-Misriyyah.

Zalika Adam, Abdul Rahman. (2007). *Al-Hajat ila Daurah al-Lughah al-Arabiyyah li Aghradh al-Siyahah fi Maliziya.* Al-Mu'tamar Al-Alami li Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah.

Zalika Adam. (2013). *Ta'lim al-Arabiyyah li Aghradh Siyahiyyah fi Maliziyya : Tahlil al-Hajat wa Tasmim Wihdah Dirasiyyah.* (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

### **Penghargaan**

Kajian ini dihasilkan menggunakan dana Geran Penyelidikan & Pembangunan Sains, Teknologi Dan Inovasi (GPPSTI) Kerajaan Negeri Selangor yang bertajuk Pembinaan Model Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam di Selangor. Kod penyelidikan KUIS/GPPSTI/2017/009.